



5 Julai 2006 (Rabu)

Jabatan Audit cuma teliti persamaan kes GPSB

KOTA KINABALU 4 Julai - Jabatan Audit Negara menjelaskan pihaknya hanya diminta oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) meneliti kes tuntutan yang sama dengan isu pampasan syarikat Gerbang Perdana Sdn. Bhd. (GPSB). Ketua Jabatan Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, tidak ada sebarang permintaan agar jabatan itu menjalankan siasatan berhubung tuntutan syarikat berkenaan.

Menurut beliau, PAC hanya ingin mengetahui bagaimana kes-kes seperti itu diselesaikan jika terdapat persamaan tuntutan yang dibuat oleh GPSB. Sebaliknya, beliau berkata, siasatan mengenai kes tuntutan GPSB akan dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya kerana melibatkan perkara-perkara teknikal seperti kos projek pembinaan, peralatan dan tenaga kerja.

"Kita cuma akan mencari kes-kes melibatkan tuntutan yang tinggi sebelum ini dan menyerahkannya kepada mesyuarat PAC akan datang pada 20 Julai ini untuk dibuat perbandingan cara penyelesaian. "Saya percaya kementerian yang terlibat dalam menyiasat tuntutan itu (kes GPSB) akan melakukannya secara profesional kerana ia melibatkan satu jumlah besar," katanya. Beliau bercakap kepada pemberita pada Majlis Penganugerahan Sijil Anak Angkat Jabatan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk K. Y. Mustaffa. Beliau mengulas kenyataan Pengerusi PAC, Datuk Shahrir Samad yang mahu agar kes tuntutan syarikat GPSB yang berjumlah sebanyak RM360 juta dibawa ke Pejabat Ketua Audit Negara. Katanya, ia perlu disiasat secara terperinci oleh pejabat tersebut termasuk rekod bayaran pampasan terdahulu bagi menyemak kewajaran tuntutan itu.

Mengulas lanjut, Ambrin berkata, setakat ini, pihaknya belum mendapat maklumat sekiranya terdapat tuntutan pampasan yang besar daripada mana-mana pihak sebelum ini sebagaimana dikemukakan oleh syarikat GPSB itu. Ditanya sama ada jumlah tuntutan tersebut bersesuaian, beliau berkata, pihaknya tidak dapat memberi ulasan kerana belum melihat dokumen-dokumen terbabit. Terdahulu, Ambrin berkata, program anak angkat yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara di negeri ini berjaya membantu meningkatkan tahap pengurusan kewangan agensi-agensi kerajaan terlibat.

Katanya, sebanyak 12 agensi kerajaan negeri terlibat pada program kali ini sebelum mereka dianugerahkan sijil. Tambahnya, antara latihan yang diberi ialah pengurusan kewangan serta aset agensi-agensi dan pembayaran hutang. “Hasil latihan yang diberikan oleh jabatan ini, ia telah memperbaiki kelemahan pentadbiran kewangan kerajaan negeri dan Sabah kini mempunyai pengurusan yang baik dan kuat,” ujar beliau.